



SEORANG guru, Azman Yahaya (tengah) memberi penerangan mengenai buku elektronik atau e-Book kepada murid-murid pada majlis penyerahan komputer itu di Kemaman bulan lalu.

# Bahan lucah dalam e-Book

Oleh HARADIAN SHAH HAMDAN  
berita@kosmo.com.my

KUALA TERENGGANU – Sekumpulan murid Tahun Lima sebuah sekolah di Terengganu membuktikan mereka telah ‘celik IT’ apabila menggunakan komputer mini atau e-Book yang diedarkan oleh kerajaan negeri untuk menyimpan dan menonton bahan lucah.

Setakat ini 12 murid dari sebuah sekolah kebangsaan di Gong Badak telah dikesan menyalahgunakan komputer tersebut yang pada asalnya bertujuan menjadi pengganti kepada buku teks sekolah.

Ada di antara murid itu cuba mengelak daripada dikenakan tindakan dengan mendakwa ia perbuatan abang mereka.

Namun, kesannya bukan sahaja komputer itu dirampas tetapi lebih teruk mereka berhadapan dengan kemungkinan dibuang sekolah.

Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains Teknologi dan Sumber Manusia Negeri, Ahmad Razif Abd. Rahman mengesahkan perkara itu dengan berkata, e-Book milik kesemua murid itu telah dirampas hasil pemeriksaan mengejut guru sekolah berkenaan baru-baru ini.

“Ini masalah yang serius kerana perubahan membawa bahan lucah ke sekolah boleh mengakibatkan murid-murid itu dibuang sekolah,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.



AHMAD SAID melihat seorang murid menggunakan e-Book pada majlis penyerahan komputer itu di Kuala Terengganu bulan lalu.

Kerajaan negeri Terengganu mengedarkan e-Book kepada murid-murid sekolah rendah mulai Jun lalu dengan tujuan menanam budaya celik IT serta memudahkan pengajaran dan pembelajaran tanpa buku.

Projek yang menelan belanja RM35 juta

itu dijangka memberi faedah kepada kira-kira 25,000 murid Tahun Lima.

Wartawan *Kosmo!* pernah membangkitkan risiko salah guna e-Book yang dilengkapi Internet, namun Menteri Besar, Datuk Ahmad Said menjawab, adalah menjadi tugas ibu bapa dan guru untuk memantau.

Sementara itu, seorang murid mengakui kegiatan menggunakan e-Book untuk menonton klip video atau mendengar lagu sudah menjadi kebiasaan di dalam kelas.

Murid itu yang hanya mahu dikenali sebagai Aishah, 11, menceritakan, rakan-rakannya memuat turun lagu dan mendengarkannya semasa guru tiada dalam kelas.

“Ini biasa berlaku tapi mereka jarang kena tangkap sebab pandai pilih waktu yang sesuai semasa guru tidak ada,” katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Aishah yang belajar di sebuah sekolah di Setiu berkata, selain lagu dan video, murid-murid sekolah turut menjadikan e-Book sebagai tempat tunjuk bakat dalam permainan komputer.

“Kebanyakan murid lelaki sudah biasa main komputer di kafe siber dan sekarang lagi senang sebab ada e-Book,” katanya.

Menurutnya, ada rakannya sudah memuat turun lagu dan video dari laman web *YouTube* pada hari pertama menerima peralatan itu Jun lalu.

Katanya, mereka juga kerap melayari laman web penyanyi dan pelakon popular serta menyertai laman sembang.

# Info e-Book

- Komputer mini dengan perisian buku teks selain perisian tambahan termasuk doa, al-Quran dan panduan solat.
- Diedarkan secara berperingkat-peringkat kepada murid Tahun Lima di Terengganu mulai Jun lalu.
- Ia perlu dipulangkan kepada pihak sekolah pada hujung tahun sama seperti buku teks.
- Berat 1.1 kilogram dengan kemudahan akses Internet
- Saiz memori bina dalam 8 Gigabait (8GB) dengan skrin sebesar 10 sentimeter
- Dipasang di sebuah kilang di Gong Badak, Kuala Terengganu.
- Kerajaan negeri bercadang mengagihkan e-Book kepada murid tahun satu hingga empat selain memperluaskannya kepada pelajar sekolah menengah.

